

CNS0201

U GB 20-10 00184 BH551

BAH

Mahathir - Ghafar

TUNGGU SEHINGGA PERHIMPUNAN AGUNG, KATA DR MAHATHIR

Daripada Wan A. Hulaimi

VALLETTA (Malta), 20 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bahawa beliau terpaksa menunggu sehingga Perhimpunan Agung UMNO sebelum menimbangkan keputusan Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba untuk meletakkan jawatan sebagai anggota kabinet.

Perdana Menteri berkata, tidak sesuai bagi beliau membuat sebarang keputusan kerana Ghafar masih ingin bertanding untuk jawatan Timbalan Presiden parti dan keputusan pemilihan itu akan memberi kesan kepada masa depan beliau (Ghafar).

Ketika bercakap kepada pemberita sebelum berlepas ke Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Lanarka, Cyprus, Dr Mahathir berkata, beliau akan bertemu dengan Ghafar apabila pulang dari Cyprus nanti.

Apabila ditanya sama ada beliau selaku presiden parti, sepatutnya memberi sokongan kepada orang nombor duanya, beliau berkata: "Itu anggapan orang, tetapi saya menghadapi suatu dilema. Kalau saya membuat sokongan kepada sesiapa yang kalah, saya menghadapi masalah menarik sokongan kepada pihak yang menang."

Perdana Menteri menambah kata, mungkin masalah yang ada sekarang timbul apabila kata-katanya di Terengganu dahulu telah disalah-fahamkan. -- Lagi.

▼20/10/21-04MST

U GB 20-10 00145 BH552

BAH

Mahathir - Ghafar 2 Valletta

"Saya hanya berkata itu untuk diri saya sendiri. Ini bukan pertama kali saya berkata demikian," katanya.

"Masalah yang ada sekarang tidaklah sebesar yang berlaku pada tahun 1987 apabila kita betul-betul berpecah," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata: "Kita akan dapat menyatukan semula parti kita (untuk) menjadi kuat lagi. Saya fikir anggota-anggota parti akan faham."

Tahun 1987 lebih kuat dan kesannya lebih buruk sebab pihak yang kalah tidak menerima keputusan parti. Kali ini saya harap semua pihak akan menerima keputusan parti.

Apabila ditanya jika masalah bagi pengundian timbalan presiden berpunca daripada adanya "block-votes", Dr Mahathir berkata, perkataan "block-votes" itu dicipta pihak yang tidak puas hati daripada "kumpulan 86".

Dr Mahathir berkata, beliau mempunyai bukti bahawa pihak tertentu telah menggunakan "cara-cara yang tidak baik termasuk rasuah untuk mendapat undi."

-- Lagi.

▼20/10/21-05MST

CNSO203

U GB 20-10 00142 BH553

BAH

Mahathir - Ghafar 3 (Akhir) Valletta

"Apa yang dikatakan block votes itu sebenarnya ialah undi akar untuk mengelakkan tidak perseimbangan antara undi bahagian dan wakil.

"Saya umpamanya mendapat 80 peratus daripada pencalonan (pada tahun 1987) tetapi saya menang cuma dengan 43 undi sahaja. Ini menunjukkan bahawa wakil-wakil kadang-kadang boleh dipengaruhi," katanya.

Dr Mahathir menafikan bahawa di bawah sistem yang ada, orang yang memegang jawatan lebih kuat daripada yang mencabar.

Katanya: "Kalau ada orang yang betul-betul hendak mencabar saya memang boleh. Kalau Tengku Razaleigh masih dalam parti dia mungkin ingin mencabar saya dan mungkin dia boleh mendapat sokongan."

Ketika menjawab satu soalan lagi, Dr Mahathir berkata bahawa beliau sedar tentang adanya surat-surat layang yang beredar pada masa ini, tetapi ini ialah perbuatan orang yang "bankrap" fikiran. -- Bernama.

WAH JO KAM.

▼20/10/21-05MST